

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2021
AKHBAR : BERITA HARIAN

Inisiatif ekonomi mesra alam pacu pemulihan pasca pandemik



Felo Penyelidik di International Institute of Advanced Islamic Studies Malaysia

Oleh Dr Shahino Mah Abdullah
bhrencana@bh.com.my

Kerajaan memfokuskan perbelanjaan pemulihan besar untuk menangani impak COVID-19 terhadap kesihatan awam dan sektor ekonomi dengan menyalurkan bantuan terus kepada kumpulan terjejas, sementara mempergiatkan pemberian vaksin.

Tumpuan pemulihan mendahulukan kesejahteraan hidup menjadi langkah tindak balas paling utama kerana setiap rakyat ialah modal insan dan tunggak utama dalam menentukan hala tuju serta jatuhan bangun sesebuah negara.

Selain bantuan kewangan secara terus bersifat sementara, rakyat terjejas juga perlu diberikan peluang kerjaya atau jalan untuk menjana kembali pendapatan bagi kelangsungan hidup dalam persekitaran lebih sihat.

Adalah amat baik sekiranya langkah pemulihan kesejahteraan hidup rakyat pasca pandemik dapat disusuli inisiatif ekonomi lebih mesra alam.

Model ekonomi baharu mengambil kira pemeliharaan alam sekitar amat penting kerana model ekonomi konvensional bersifat kurang lestari. Beberapa perubahan dan penambahan dalam amalan ekonomi semasa dapat memperbaiki kelompongan, sekali gus menanganis isu terdahulu mendorong kepada pencemaran alam.

Usaha ini memerlukan masa, komitmen dan pembabitn semua termasuk individu, industri dan kerajaan. Kegagalan merancang dan menguruskan aktiviti ekonomi dengan betul bukan sahaja akan mengancam alam sekitar, malah kesannya akan berbalik semula kepada manusia.

Ini dapat diperhatikan ketika wabak COVID-19, pencemaran plastik daripada buangan sisa barangan terpakai seperti pelitup muka dan sarung tangan meningkat dengan ketara. Sisa ini bukan sahaja mencaatkan pemandangan sekeliling malah, menyebabkan longkang tersumbat hingga mengundang haiwan perosak dan menggalakkan penyebaran penyakit.

Ketika pandemik ini juga, ada pihak tidak bertanggungjawab melepaskan sisa kimia ke sungai hingga menjejaskan tadahan air, sekali gus menyebabkan penduduk setempat kerap terputus bekalan air bersih.

Bagi mengatasi masalah ini, sikap buruk sedemikian mesti dibuang jauh tidak kira untuk

kepentingan sendiri mahupun bertindak untuk pihak industri. Ini bertujuan memastikan setiap usaha pemulihan menyusul tidak sia-sia.

Sektor pengilangan digalakkan membuat produk berpatutan bersifat mesra alam yang boleh diguna semula atau diurai tanpa menghasilkan unsur sampingan beracun. Oleh itu, pengeluaran harus memikirkan semula cara terbaik agar produk mereka tidak hanya menjana keuntungan, bahkan dapat mengelak menjadi punca pencemaran alam.

Jika pengguna digalakkan mengamalkan prinsip *reduce, reuse and recycle* (3R), iaitu pengurangan pembaziran, guna semula dan kitar semula, pengeluaran juga seharusnya mempunyai amalan sama yang mesra alam untuk proses pembuatan dan pengeluaran produk.

Pengilang perlu memperluas amalan 3R itu kepada 7R, iaitu memikirkan semula, mengurangkan pembaziran, guna semula, memperbaiki, memperbaharui, mengitar semula dan memulihkan. Setiap komponen 7R mengambil kira model 'ekonomi kitaran' yang akan menyokong kelestarian ekologi.

Model ekonomi ini sentiasa memastikan setiap bahan, bahagian dan produk terbahagi dalam proses pembuatan akan digunakan semaksimum mungkin.

Pendekatan 'ekonomi kitaran' ini berlawanan dengan aktiviti ekonomi konvensional bersifat searah, lazimnya dimulai penggunaan sumber alam dan diakhiri sebagai sisa buangan dibazirkan.

Sistem ekonomi konvensional mempraktikkan amalan 'ambil, buat dan buang' dalam penghasilan produk tidak lestari kerana menyebabkan sumber alam terus menyusut di samping meningkatkan kapasiti tapak pelupusan sampah.

Justeru, ekonomi kitaran antara jalan mengelakkan penggunaan sumber alam tidak lestari dan membenarkan penjanaan semula sistem alam semula jadi.

Menerusi prinsip 7R, pengeluar perlu 'memikirkan semula' keseluruhan proses penghasilan produk membabitkan pembaikan model penjanaan.

Malah mereka perlu menggalakkan inovasi baharu dengan sekurang-kurangnya 'mereka semula' produk berkenaan agar dapat menjimatkan sumber pembuatan, lebih cekap tanpa pembaziran tidak perlu, boleh dikitar semula atau diurai dan tidak mencemarkan alam.

Dengan penggunaan sumber sedikit menerusi langkah 'memikirkan dan mereka semula',

ia akan membuka ruang prinsip kedua, iaitu 'mengurangkan' sumber buatan agar mudah dipapal, sekali gus menjimatkan kos pembuatan serta mampu meningkatkan nisbah keuntungan.

Produk ini juga perlu dibuat untuk lebih tahan lama supaya dapat 'mengurangkan' kekerapan pengguna membuat belian produk sama.

Pengeluar utama sentiasa menjaga kualiti kilang dan pengeluaran produk serta akan membuat gantian mesin serta perkakasan lama selepas tempoh tertentu mengikut perkembangan teknologi semasa.

Barangan lama masih berfungsi dengan baik boleh 'digunakan semula' seharusnya dipindah milik kepada institut tertentu atau dijual murah kepada pengeluar kecil lain terutamanya mencebur diri dalam industri berkenaan.

Ia juga boleh dijual di pasaran barangan terpakai kepada pengguna biasa. Langkah 'guna semula' ini dapat dimanfaatkan institusi tertentu, perniagaan baharu dan pengguna biasa, selain mengelakkan pembaziran, mengurangkan pencemaran alam serta menjana pendapat tambahan.

Mesin dan perkakasan masih dalam tempoh jaminan perlu diselenggara dengan baik dan mesti 'diperbaiki' sekiranya bermasalah. Penyelenggaraan mengikut jadual dan amalan 'memperbaiki' mampu memanjangkan kualiti barangan hingga menjangkau tempoh jaminan.

Tentunya, ini akan membolehkan pengeluaran menggunakan peralatan lebih lama lagi, menjimatkan modal dan proses pembuatan serta dapat mengekalkan prestasi barangan sekiranya merancang untuk dijual kelak.

Langkah ini berkait rapat prinsip berikutnya, iaitu 'memperbaharui' yang membolehkan transformasi produk terpakai dengan penggantian komponen tertentu sahaja supaya beroperasi lebih baik setara dengan barangan keluaran terbaru.

Seterusnya, 'kitar semula' perlu dilakukan apabila barangan berkenaan tidak dapat diperbaiki atau diperbaharui semula. Barangan berkenaan mesti diceraikan dahulu. Daripada semua komponen itu, ada boleh diguna semula, dikitar semula atau tidak boleh dimanfaatkan lagi.

Bagi bahagian tidak berguna ini, ia mestilah 'dipulihkan' (*recover*) menerusi proses penjanaan tenaga sebagai bahan bakar atau gasifikasi.

Langkah terakhir dalam prinsip 'ekonomi kitaran' ini bukan sahaja dapat mengurangkan buangan sisa barangan ke tapak pelupusan, bahkan dapat dimanfaatkan semula sebagai tenaga digunakan kembali dalam sektor pembuatan berkenaan.

Semua prinsip dan proses itu bukanlah sesuatu idealis semata-mata serta sukar dilaksanakan. Ia dipraktikkan di Eropah seperti Sweden hingga ke tahap mengimport sisa buangan negara lain masuk ke negaranya untuk ditukarkan kepada tenaga.

Model ekonomi seperti ini bukanlah baharu dan boleh terus pelajari daripada contoh kejayaan dikongsi bagi mengekalkan kelestarian alam, selain memperkuat ekonomi negara. Ekonomi kitaran membabitkan proses tertentu mengikut prinsip disebutkan tentunya memerlukan tenaga kerja ramai, sekali gus akan membuka banyak peluang kerjaya kepada rakyat.

Ia boleh menjadi strategi industri pada masa akan datang, dalam pemulihan ekonomi negara pasca pandemik, sekiranya negara ini ingin terus berstatus negara maju memperkasa kelestarian alam dalam menjana pendapatan dan membela nasib rakyat tidak kira apa jua cabaran mendatang.

